

Buku terbaik untuk USIM

Putrajaya: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menungguli kategori Anugerah Buku Terbaik pada Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2012 apabila meraih dua anugerah.

Kemenangan diperoleh menerusi buku 'Yusuf Al-Qardawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia' karangan Mohd Rumaizuddin Ghazali dalam bidang kemasyarakatan dan sains sosial.

Anugerah kedua diraih Zulkifli Hassan berjaya memenangi kategori Anugerah Buku Terbaik Bukan MAPIM bidang yang sama menerusi buku bertajuk

'Shahriah Governance in Islamic Banks'.

Wang tunai RM12,000

Menerusi kemenangan itu, Mohd Rumaizuddin dan Zulkifli masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM12,000 dan RM5,400 yang disampaikan Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Nor.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi merangkap Pengerusi Lembaga MAPIM, Prof Dr Morshidi Sirat dan Pengerusi Jawatankuasa Induk Anugerah MAPIM, Prof Datuk Ir Dr

Mohd Salleh Jaafar.

Sebanyak empat kategori dipertandingkan pada anugerah kali ke-6 iaitu kategori Anugerah Buku Terbaik, Makalah Jurnal Terbaik, Editor Naskah Terbaik dan Buku MAPIM Terbaik bertujuan memperkasa bidang penerbitan ilmiah dalam kalangan penerbit universiti dan institusi penyelidikan di negara ini.

Maklumat digital

Ab Rahim berkata, penerbitan hari ini lebih luas skopnya dan MAPIM perlu bergerak seiring dengan konsep maklumat tanpa sempadan supaya

dapat turut serta memajukan industri buku negara.

Beliau berkata, era pengdigitalan maklumat turut mempengaruhi media penerbitan ilmiah masa kini dan MAPIM harus peka dan mula bergerak ke arah itu kerana penerbitan elektronik menjadi satu platform untuk menyebarkan karya dan hasil penulis tempatan.

"Konsep tiada sempadan ini memberikan ruang penyebaran ilmu lebih pantas dan perlu diguna sebaik mungkin bagi memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.



Barisan pemenang Anugerah MAPIM 2012 bersama-sama hadiah dimenangi.